

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 4 - 17 APRIL 2024

www.selangorkini.my

Sultan seru bina semula Gaza

MUKA
2



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (dua, kanan) mempersembahkan replika Masjid Darul Ehsan Gaza kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sempena pelancaran Tabung Pembangunan Ihsan Selangor-Gaza ketika majlis berbuka puasa di Masjid Kota Kemuning, Shah Alam pada 28 Mac 2024. Turut hadir, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof (kiri), Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Mohd Shahzihan Ahmad (dua, kiri) dan Setiausaha Agung MAPIM Faris Hussain (kanan). Foto REMY ARIFIN ▶ BERITA MUKA 2 & 17

pancawarna

Karya penuh pengajaran, keinsafan

Tonton drama terbitan Kerajaan Negeri pada 19 April jam 9 malam di TV2

9, 10 & 16



Bersama kukuh jalinan silaturahmi

Pelihara kebersamaan, jauhi kelompok yang menggugat keharmonian masyarakat

11 & 14



Raya ceria dapat rumah baharu tiga bilik

Lembaga Zakat Selangor bantu ibu tunggal asnaf bersama tiga anak perempuan

15



3.1 peratus dividen Tabung Haji

SHAH ALAM - Lembaga Tabung Haji (TH) mengumumkan agihan keuntungan 3.10 peratus selepas zakat bagi tahun kewangan 2023.

Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata jumlah sama seperti tahun lepas itu melibatkan RM2.72 bilion yang memanfaatkan lebih 9.15 juta pendeposit, lapor Bernama.

"Ini menjadikan jumlah terkumpul agihan keuntungan sejak penubuhan TH selama 60 tahun adalah sebanyak RM42.88 bilion sehingga kini," katanya dalam sidang media pada 2 April.

Mohd Na'im berkata agihan keuntungan TH 2023 mematuhi Akta Tabung Haji 1995 iaitu dilaksanakan setelah penyata kewangan TH tahun lepas selesai diaudit Jabatan Audit Negara dan mengambil kira rosot nilai terutamanya pelaburan legasi pajakan hartanah di Arab Saudi serta pelaburan hartanah di United Kingdom.

Kongsi dana anak kariah buat asnaf

GOMBAK - Seramai 182 asnaf fakir miskin, mualaf dan 72 anak yatim menerima bantuan Aidilfitri di Masjid Al-Khairiyah Taman Sri Gombak di sini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan berkenaan pemberian anak kariah masjid terbabit dengan kutipan keseluruhan kira-kira RM250,000.

"Saya kagum melihat semangat ditonjolkan masjid ini sejak bertahun yang kerap mengumpulkan duit sumbangan dan disalurkan kepada golongan memerlukan.

"Jumlah sumbangan juga amat signifikan dan tinggi nilainya. Semoga ia meringankan beban penerima dalam membuat persiapan Aidilfitri," katanya pada 31 Mac.

Menerusi program sama anak yatim menerima wang tunai berjumlah RM1,300 manakala asnaf, fakir miskin dan mualaf RM800.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Terima RM500 bantuan khas raya

SHAH ALAM - Kerajaan bersetuju menyalurkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) Aidilfitri RM500 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak pada 5 April, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bantuan sama turut dinikmati pesara kerajaan, termasuk veteran berpencen dan tidak berpencen sebanyak RM250, lapor Bernama.

"Insya-Allah saya telah maklumkan kepada Perbendaharaan supaya BKK Aidilfitri disalurkan mulai Jumaat ini, 5 April 2024," katanya dalam majlis perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya pada 1 April.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata bantuan khas itu mengambil kira peningkatan kos sara hidup dan perbelanjaan persekolahan, walaupun Bayaran Insentif Awal RM2,000 telah

disalurkan pada 23 Februari.

Beliau berkata BKK itu juga mengambil kira keluhan penjawat awam yang ditemui di bazar Ramadan ketika lawatan kerja ke Pahang dan Sarawak baru-baru ini.

Anwar berkata sekiranya politik stabil, dasar ekonomi jelas dan pelaburan domestik dan asing bertambah, kerajaan boleh mempertimbangkan penyaluran bantuan lain kepada rakyat.

RM4 juta bina Masjid Darul Ehsan

Bantu bangunkan semula Gaza

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menyeru semua pihak menyumbang bagi membangunkan semula Gaza yang musnah akibat serangan Israel.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga berkeinginan agar sumbangan itu diselaras Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (Tijari) supaya dana diurus secara tersusun, bertanggungjawab, telus dan lancar.

"Sumbangan boleh disalur ke nom-



bor akaun 562106718620 (Maybank). Beta mendoakan semoga Allah SWT memberi ganjaran amal soleh atas infak yang disumbangkan rakyat negeri Selangor dalam membantu umat Islam di Gaza," titah Baginda menerusi kenyataan.

Sultan Sharafuddin berkenan melancarkan Tabung Pembangunan Ihsan Selangor-Gaza majlis terbuka puasa bersama rakyat di Masjid Kota Kemuning pada 29 Mac. Tabung berkenaan merupakan

inisiatif Kerajaan Negeri bersama Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim) bagi membangunkan semula Gaza.

la melibatkan tiga projek bernilai RM8.7 juta iaitu satu blok Apartment Darul Ehsan (RM3 juta), Masjid Darul Ehsan (RM4 juta) dan menara tangki air Darul Ehsan (RM1.7 juta).

Baginda juga berkeinginan menerima sumbangan dana umat Islam Selangor sebanyak RM1.2 juta, Majlis Agama Islam Selangor berjumlah RM200,000 serta sumbangan peribadi Dato' Menteri Besar sebanyak RM50,000.

Hujung tahun lalu, Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan Selangor bakal mewujudkan perumahan dan masjid bagi membantu pembinaan semula Palestin yang musnah dibedil Israel selepas perang selesai.

Rasmi masjid, serah sumbangan raya

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat menyempurnakan perasmian masjid di Shah Alam dan Sepang.

Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri berjumlah RM238,000 kepada 476 penerima ketika merasmikan Masjid Kota Kemuning pada 28 Mac.

Masjid seluas lima ekar yang siap pada November 2022 dengan kos

RM18 juta itu mampu memuatkan 4,000 jemaah dalam satu masa.

Dalam majlis sama Baginda turut berkenan menerima bayaran zakat perniagaan daripada Pintas Utama Sdn Bhd berjumlah RM3 juta dan Raulin Holdings Sdn Bhd, RM1.88 juta.

Sultan Sharafuddin turut berkenan merasmikan Masjid Cyberjaya 10, Sepang dan menyampaikan sumbangan hari raya RM272,000 kepada 544 penerima pada 31 Mac.

Masjid yang siap pada 2018 dengan kos RM12.5 juta turut diiktiraf antara 22 masjid terbaik dunia menerusi Anugerah Abdullatif Alfozan di Riyadh, Arab Saudi bagi kategori seni bina masjid tahun lalu.

Sebelum ini, Baginda berkenan menyempurnakan perasmian Masjid Jamek At-Tuqo di Kuala Selangor pada 21 Mac dan Masjid Kampung Melayu Rasa, Hulu Selangor dua hari kemudian.

RM1.54 juta bantu 440 masjid

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyumbang sejumlah RM1.54 juta kepada 440 masjid seluruh Selangor sebagai penghargaan khidmat bakti penggerak rumah ibadat itu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata sumbangan menerusi Insentif Kita Selangor Aidilfitri juga meringankan beban mereka membuat persiapan hari raya.

"Insya-Allah, Kerajaan Negeri akan terus menyokong fungsi masjid sebagai institusi agama dalam mengekalkan syiar Islam di negeri ini," katanya di Facebook pada 2 April.

Amirudin menyerahkan sumbangan tersebut di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini yang turut dihadiri EXCO Agama Islam Dr Mohamad Fahmi Ngah.

Dalam pada itu, beliau menegaskan Kerajaan Perpaduan di Selangor sentiasa memelihara kebajikan imam, bilal, siak dan nazir saban tahun melalui pelbagai bantuan.

"(Justeru), tohmahan pentadbiran kerajaan perpaduan di Selangor tidak menjaga kebajikan golongan itu di seluruh Selangor adalah palsu dan fitnah semata-mata," tegasnya.



AHLI PARLIMEN GOMBAK

Salām ʿĪd al-Fitr

Maaf Zahir & Batin



**MALAYSIA
MADANI**

#KitaSelangor



YAB Dato' Seri Amirudin Shari

**DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
AHLI PARLIMEN GOMBAK**

RM1.6 juta manfaat 129 rumah ibadat

GOMBAK - Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Gombak memperuntuk RM1.6 juta sumbangan Ramadan kepada 129 masjid dan surau di kawasan itu.

Dato' Menteri Besar berkata sebanyak RM20,000 disalurkan kepada 21 masjid diikuti RM15,000 kepada 20 surau solat Jumaat dan RM10,000 (88 surau).

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan peruntukan itu sumbangan bersama Pejabat Dato' Menteri Besar, Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua dan orang perseorangan.

"Semoga dengan sumbangan ini sedikit sebanyak mempermudah dan meringankan beban pihak pengurusan masjid dan surau yang turut berdepan dengan cabaran peningkatan jumlah kehadiran pengunjung terutama ketika waktu berbuka puasa dan moreh.

"Saya percaya bantuan ini juga dapat menghidupkan suasana dan menyemarakkan aktiviti sepanjang Ramadan," katanya di Masjid Al-Khairiyah Taman Sri Gombak di sini pada 31 Mac.

Ahli parlimen Gombak itu, turut menyerahkan sumbangan kepada lapan buah masjid dan 33 surau serta 12 surau solat Jumaat di DUN Gombak Setia.

Kupon belanja galak pendigitalan

HULU LANGAT - Sebanyak 500 Kupon Digital Rahmah bernilai RM10 diedar percuma kepada pengunjung bazar Ramadan Sekyen 3, Bandar Baru Bangi di sini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia sebahagian usaha Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pendigitalan perniagaan terutama dalam kalangan peniaga kecil.

"Orang ramai boleh menebus kupon bernilai RM10 secara percuma untuk pembelian di bazar Ramadan ini. Edaran kupon juga sebahagian promosi untuk menarik penyertaan peniaga dalam Platform Selangor (PLATS)," katanya pada 30 Mac.

Amirudin berkata setakat ini lebih 20,000 peniaga menyertai PLATS yang dibangunkan untuk meluaskan pasaran niaga.

"Satu perkembangan yang baik apabila mereka masuk ke PLATS banyak manfaat yang diterima menerusi pelbagai program dianjurkan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) termasuklah usaha pendigitalan perniagaan," katanya.

Paras air empangan negeri stabil

SHAH ALAM - Paras air tujuh empangan di Selangor berada pada tahap stabil setakat ini meskipun negara berdepan cuaca panas.

Menurut EXCO Infrastruktur Ir Izhah Hashim, kapasiti air di kebanyakan empangan juga pada paras melebihi 80 peratus.

"Setakat ini tiada masalah. Semuanya stabil dan kebanyakan masih 80 peratus dan 90 peratus ke atas. Cuma di Empangan Klang Gates 70 peratus ke atas, namun masih terkawal dan stabil.

"Kita sentiasa memantau paras air

di empangan dan setakat ini semuanya berada dalam keadaan stabil walaupun cuaca panas," katanya.

Berdasarkan laman sesawang Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Air Bersepadu Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sehingga jam 8 pagi pada 3 April paras air Empangan Batu sebanyak 87.72 peratus, Empangan Klang Gates (75.72 peratus), Empangan Langat (77.46 peratus).

Sementara itu, bacaan di Empangan Semenyih pula sebanyak 100.18 peratus, Empangan Sungai Selangor

(89.26 peratus), Empangan Sungai Tinggi (94.85 peratus) dan Empangan Tasik Subang (100 peratus).

Pada 28 Mac, Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) memaklumkan empat empangan air di Johor, Pulau Pinang dan Kedah mencatat penurunan simpanan sumber air mentah kepada paras kritikal susulan cuaca panas.

Menurut Nadma Empangan Sembrong Barat di Johor yang kini merekodkan paras 31.65 peratus, Empangan Air Itam di Pulau Pinang (35 peratus), Empangan BS Padang Saga (39.67 peratus) serta Empangan Malut (39.90 peratus) di Kedah.



Perkasa usaha merakyat universiti

Manfaat ilmu kepada masyarakat

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

HULU LANGAT - Dato' Menteri Besar mahu warga Universiti Islam Selangor (UIS) memperkasa usaha merakyat universiti bagi mewujudkan ekosistem komuniti berilmu.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata konsep pemindahan ilmu tidak hanya terhad dalam ruang lingkup sesebuah institusi pendidikan sebaliknya perlu lebih meluas menjangkau masyarakat sekitar.

"Kita mahu masyarakat sekeliling terbias dan terkesan dengan kewujudan universiti. Kita lihat banyak di luar negara seperti di Boston yang meneri-

ma kesan limpahan kewujudan Universiti Harvard. Akhirnya memberi kesan langsung kepada komuniti sekitarnya dengan membentuk ekosistem pendidikan cemerlang dalam komuniti itu.

"Bukan hanya terhad belajar di kelas atau dewan kuliah tetapi bagaimana kita menghubungkan kebijaksanaan ilmu dan penerokaan pengalaman melalui interaksi dengan masyarakat.

"Ini harus dilaksanakan dan diamalkan oleh mahasiswi dan mahasiswa. (Penerokaan ilmu dan pengalaman) bukan hanya dalam ruang lingkup universiti saja tetapi ia lebih daripada batas itu," katanya di Masjid Al-Azhar UIS dekat sini pada 31 Mac.

Beliau turut mendengar kuliah Subuh bertajuk Di Bawah Teduhan al-Quran disampaikan Naib Canselor UIS Dato' Prof Madya Dr Mohd Farid Ravi Abdullah serta menyampaikan duit raya kepada 56 pelajar asnaf UIS dan anak yatim.

Amirudin menambah UIS antara lambang kecemerlangan dan kemampuan yang memastikan Selangor berkembang dan membangun melalui ilmu pengetahuan.

"Negeri ini mampu ditegakkan dalam pelbagai sektor dan bidang ilmu mencakupi segenap aspek termasuklah agama dengan tertubuhnya UIS," katanya.

Program kebajikan untuk rakyat

GOMBAK - Iltizam Selangor Penyayang (ISP) yang menawarkan pelbagai program kebajikan dilaksana bagi memastikan semua lapisan masyarakat menikmati hasil negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata antara program yang mendapat perhatian adalah agihan baucar Jom Shopping setiap kali mu-

sim perayaan. "Program ini (Jom Shopping) adalah bawah ISP dan kita anjurkan dengan niat supaya rakyat rasa dihargai dan dapat menikmati kehidupan sama seperti orang lain.

"Sebab itu Kerajaan Negeri memikirkan, kepada yang memerlukan kita berikan sokongan. Kepada yang

memerlukan sokongan tertentu seperti perniagaan, juga ada programnya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis penyerahan baucar Jom Shopping peringkat Dewan Undangan Negeri Sungai Tua kepada 600 penduduk di Pasaraya Sri Ternak, Selayang di sini pada 31 Mac.

WAKTU SOLAT	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang								Klang dan Kuala Langat								Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak			
04 Khamis	5:54	6:04	7:10	1:19	4:23	7:23	8:32	5:55	6:05	7:11	1:19	4:24	7:23	8:32	5:56	6:06	7:12	1:21	4:25	7:25	8:34			
05 Jumaat	5:53	6:03	7:10	1:19	4:24	7:23	8:32	5:54	6:04	7:11	1:19	4:25	7:23	8:32	5:56	6:06	7:11	1:21	4:25	7:25	8:34			
06 Sabtu	5:53	6:03	7:10	1:18	4:24	7:22	8:32	5:54	6:04	7:11	1:19	4:25	7:23	8:32	5:55	6:05	7:11	1:21	4:26	7:25	8:34			
07 Ahad	5:52	6:02	7:09	1:18	4:25	7:22	8:32	5:53	6:03	7:10	1:19	4:25	7:22	8:32	5:55	6:05	7:11	1:20	4:26	7:25	8:34			
08 Isnin	5:52	6:02	7:09	1:18	4:25	7:22	8:32	5:53	6:03	7:10	1:18	4:26	7:22	8:32	5:54	6:04	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34			
09 Selasa	5:52	6:02	7:08	1:18	4:25	7:22	8:32	5:53	6:03	7:10	1:18	4:26	7:22	8:32	5:54	6:04	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34			
10 Rabu	5:51	6:01	7:08	1:17	4:26	7:22	8:31	5:52	6:02	7:09	1:18	4:27	7:22	8:31	5:53	6:03	7:10	1:20	4:27	7:24	8:34			

WAKTU SOLAT
4-10 APRIL 2024
24 RAMADAN - 1 SYAWAL 1445

Waktu berbuka

Salam Aidilfitri

2024M / 1445H



#KitaSelangor



MEMACU KEHIDUPAN

Sedia tawaran kerja baharu

SHAH ALAM - Sebanyak 22 syarikat akan membuka kaunter tawaran kerja di kilang syarikat pengeluar tayar global Goodyear di sini pada 22 hingga 26 April bagi pemilihan pekerja baharu.

EXCO Sumber Manusia V Papparaidu menjelaskan usaha tersebut bagi membantu kakitangan mencari peluang baharu berikutan penutupan kilang pada 30 Jun selepas lebih 40 tahun beroperasi.

"Ini adalah inisiatif baik yang mana pekerja Goodyear akan diberikan tawaran kerja baharu berdasarkan pengalaman mereka," katanya di Facebook pada 28 Mac.

Tambahnya, Pertubuhan Keselamatan Sosial Selangor turut memastikan pekerja syarikat itu berdaftar bawah program My-FutureJobs dan Orang Berinsurans untuk dipadankan kekosongan jawatan berse-suaian.

Kelab CXO peluang jana RM1 juta

KUALA LUMPUR - Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (Sidec) melancarkan program Kelab CXO bagi membantu syarikat pemula menjana pendapatan melebihi RM1 juta.

EXCO pelaburan berkata program ber-langsung mulai bulan ini hingga Oktober depan dibuka kepada 100 peserta dalam kalangan pegawai kanan syarikat termasuk ketua pegawai eksekutif dan ketua pegawai operasi.

Jelas Ng Sze Han, program mendapat tajaan Affin Bank itu membolehkan peserta memasarkan produk ke pasaran antarabangsa antaranya Taiwan, Jepun, London dan Hong Kong.

"Inisiatif ini menyasarkan penyertaan dari kategori usahawan kecil sederhana (35 peratus), perniagaan e-dagang dan teknologi (30 peratus) dan korporat (lima peratus)," katanya dalam majlis pelancaran pada 26 Mac.

Jaga kesihatan ketika perayaan

SHAH ALAM - Situasi kes Covid-19 di Selangor ketika ini terkawal, maklum EXCO kesihatan awam.

Jamaliah Jamaluddin bagaimanapun meminta masyarakat untuk sentiasa berjaga-jaga terutama ketika musim perayaan.

"Sudah menjadi trend apabila ada musim cuti atau perayaan memang kes (Covid-19) dilihat sedikit meningkat cuma setakat ini kita lihat masih terkawal," katanya pada 1 April.

Beliau turut menggalakkan masyarakat memakai pelitup muka terutama golongan individu berisiko seperti kanak-kanak, warga emas dan wanita mengandung.

Jualan murah di cawangan Ehsan

SHAH ALAM - Bermula bulan ini, semua cawangan Ehsan bawah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menawarkan jualan murah bawahan asas pada setiap minggu.

Menurut perbadanan itu, Jualan Ehsan Rahmah (JER) membabitkan cawangan Wisma PKPS Seksyen 14 dan Sekyen 9 di Shah Alam, Meru (Klang) serta Selangor Fruits Valley, Kuala Selangor.

"JER di cawangan Ehsan Wisma PKPS pada setiap Khamis bermula 8 pagi, manakala di semua cawangan lain pada Sabtu waktu yang sama," katanya menerusi poster di Facebook.

Barangan yang dijual seperti beras RM13 berbanding RM18.80, ayam RM10 berbanding RM17.50, telur RM10 berbanding RM12.90 dan daging beku RM10 berbanding RM16.80 sebelum ini.

Jualan murah bermula September 2022 diadakan di beberapa lokasi terpilih setiap hari menerusi trak PKPS bagi membantu golongan berpendapatan rendah membeli barangan keperluan.

Program itu menawarkan jualan enam barangan asas seperti ayam, daging, ikan, telur, minyak masak dan beras yang dijual pada harga 30 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Ketengah konsep digital, mesra alam

60 peratus tempah taman industri

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

KUALA LANGAT - Pembangunan Taman Industri Pintar NCT (NSIP) menjadi taman perindustrian terurus pertama negara dengan nilai pembangunan kasar mencecah RM10 bilion.

Dato' Menteri Besar berkata taman berkonsep kecerdasan buatan (AI) dan internet kebendaan (IoT) itu akan mengoptimalkan kecekapan tenaga selain dipenuhi aktiviti industri hijau.

Jelas Dato' Seri Amirudin Shari, pelaksanaan sistem berkenaan bakal memangkin Misi Net Zero 2050 yang selari dengan matlamat pembangunan

mampan dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

"Komitmen ini penting untuk mendepani cabaran kesenjangan digital. Kita ingin membina masyarakat dan komuniti celik digital dan berpengetahuan.

"Projek ini turut menekankan inisiatif mesra alam. Ini menjadikan NSIP sebagai mercu tanda kemodenan dengan fasiliti diurus AI, pengawasan pintar dan komitmen kukuh terhadap prinsip alam sekitar melalui pembinaan kilang yang menggunakan tenaga solar," katanya dalam majlis pembukaan galeri jualan NSIP pada 2 April.

Amirudin berkata projek tiga fasa

atas tanah seluas 732 ekar itu menerima tempahan lebih 60 peratus pelabur tempatan dan luar negara sejak diperkenalkan April tahun lalu.

"Daripada pelabur fasa pertama, NSIP menerima tempahan daripada 95 peratus pelabur tempatan manakala bakinya adalah pelabur asing yang terbabit dalam pelbagai sektor termasuk makanan dan minuman farmaseutikal serta semikonduktor," katanya.

Projek pertama Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS) itu bakal dilengkapi 101 unit kilang berkembar dan 27 plot perindustrian selain bertindak sebagai pusat sehenti kepada pihak berkepentingan.

Atasi jenayah dadah di tempat kerja

SHAH ALAM - Jawatankuasa Tempat Kerja Bebas Dadah (Tekad) perlu diaktifkan di setiap organisasi negeri bagi membanteras salah guna dan jenayah terkait dadah di agensi masing-masing.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) Dato' Mohd Yazid Sairi berkata majikan juga bertanggungjawab mengingatkan kakitangannya menjalani gaya hidup sihat tanpa pengaruh bahan terlarang.

"Penyalahgunaan dadah serta bahan terlarang boleh mengakibatkan ber-

lakunya berbagai masalah dan dalam kes tertentu ia mendorong kepada kehilangan nyawa, kecederaan, kerosakan harta benda dan menjejaskan imej organisasi.

"Penyalahgunaannya juga dikenali sebagai penyumbang kepada ketidakhadiran ke tempat kerja, produktiviti rendah, kadar berhenti kerja yang tinggi, dan penglibatan jenayah," katanya ketika merasmikan Seminar Tekad peringkat negeri di bangunan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor di sini pada 27 Mac.

Mohd Yazid berkata mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah peringkat negeri yang dipengerusikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 11 April 2021 meluluskan Inisiatif Selangor Mengawal Ancaman Realiti Dadah (SMARD) 2021-2025.

Menurutnya, tujuh daripada 13 kawasan berisiko tinggi penagihan dadah di Selangor dipulihkan melalui inisiatif SMARD dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Tawar RM500 buat usahawan bazar

SHAH ALAM - Maybank menawarkan insentif sehingga RM500 kepada enam usahawan bazar Ramadan Taman Melawati yang merekod jumlah transaksi tanpa tunai dan nilai penjualan tertinggi.

Tawaran dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) turut menyediakan subsidi RM2 kepada pengunjung dengan pembelian minimum RM10 tertakluk terma dan syarat.

Menerusi kenyataan, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu memaklumkan usaha berkenaan selari matlamat pembangunan lestari untuk menghidupkan kerjasama global demi pembangunan bandar mampan.

"Istimewa tahun ini, MPAJ bersama Maybank dan FGV Holdings menjayakan bazar Ramadan tanpa tunai untuk menjadikan Ampang Jaya sebagai Bandar Digital Berdaya Huni men-

jelang 2025.

"(Usaha juga selari) konsep mendedikasikan usahawan di Selangor untuk menggalakkan transaksi bebas tunai dalam urusan jual beli," kata PBT itu pada 1 April.

Pada masa sama, MPAJ berkata peniaga ditaja khemah dan apron serta harga promosi minyak masak, krimer, santan dan marjerin sebagai kemudahan menyediakan jualan juadah terbuka.



Selamat Hari Raya

Maaf Zahir & Batin



Seri Syawal bersama AQUASEL



KUMPULAN SEMESTA SDN BHD DAN ANAK SYARIKAT

KUALA LANGAT MINING



Darul Khusus Venture Sdn Bhd



KSSB CONSULT

900 terima baucar raya RM200

SHAH ALAM - Seramai 900 individu daripada keluarga berpendapatan rendah sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Anggerik menerima baucar Jom Shopping sempena Aidilfitri.

Wakil rakyatnya Najwan Halimi berkata jumlah agihan baucar Jom Shopping itu membabitkan peruntukan RM180,000.

"Ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang disampaikan menerusi DUN Kota Anggerik. Seramai 900 individu terima manfaat dengan setiap seorang mendapat baucar RM200.

"Diharap bantuan ini beri peluang penerima membeli keperluan Aidilfitri selain meringankan beban serta memberi keceriaan," katanya pada 1 April.

40 insititusi Islam terima RM1,000

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri Batu Tiga memperuntuk RM50,000 untuk masjid dan surau di kawasan berkenaan.

Wakil rakyatnya Danial Al-Rashid Haron berkata dana itu bagi program pengimarahannya sepanjang Ramadan.

"Lebih 40 masjid dan surau masing-masing menerima sumbangan RM1,000. Kita masih menerima permohonan beberapa masjid untuk bantuan tambahan dan akan melihat keperluan dari semasa ke semasa.

"Ini termasuklah bakul makanan dan saguhati untuk program yang dianjurkan masjid dan surau," katanya dalam program Jalinan Ukhuwah anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Sosio Ekonomi di Hotel Concorde Shah Alam pada 25 Mac.

RM50,000 modal niaga untuk wanita

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah Selangor) menawarkan bantuan modal sehingga RM50,000 kepada usahawan wanita negeri ini yang ingin berniaga kecil-kecilan.

Agensi itu memaklumkan pembiayaan bawah skim Niaga Darul Ehsan (NaDI) itu boleh dipohon menerusi pautan mikroredit.selangor.gov.my

"Khusus untuk usahawan wanita di Selangor Darul Ehsan! Terbuka kepada wanita yang ingin memulakan perniagaan kecil-kecilan. Tawaran Skim Pembiayaan Niaga Darul Ehsan (NaDI) sehingga RM50,000.

"Pemohon juga boleh mengimbas kod QR pada poster untuk memohon atau hubungi cawangan Hijrah Selangor berdekatan untuk maklumat lanjut," maklumnya di Facebook pada 28 Mac.

Selain skim NaDI, Hijrah Selangor turut menawarkan skim i-Bermusim, i-Bisnes, skim Go Digital dan skim Zero To Hero.

Pendaftaran ADN Muda hingga 3 Mei

SHAH ALAM - Pejabat Speaker dan Dewan Negeri Selangor (DNS) bakal menganjurkan Program Ahli Dewan Negeri (ADN) Muda Selangor 2024 pada 27 dan 28 Mei.

Speaker Lau Weng San berkata program itu memberi peluang kepada belia untuk menimba pengalaman sebagai wakil rakyat dan membolehkan mereka membahaskan usul seperti sidang DNS.

Beliau berkata program bersama Persatuan Pendemokrasian Sosial

(SocDem Malaysia) dan Ahli Parlimen Belia Selangor itu juga mendidik peserta memahami proses penggubalan undang-undang peringkat negeri.

"Program diadakan di Bangunan Wisma Dewan Negeri Selangor dan dibuka kepada pelajar serta belia berusia dari 18 hingga 35 tahun. Ia turut ditawarkan kepada belia yang menganggotai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penggerak belia tempatan serta mana-mana persatuan.

"Seramai 56 peserta akan dipilih dan mereka mewakili setiap Dewan Undangan Negeri (DUN). Peserta berpeluang mencadang serta membahaskan usul yang memberi impak kepada golongan belia," katanya dalam sidang media pada 27 Mac.

Weng San berkata permohonan selama sebulan sehingga 3 Mei dan pautan borang boleh didapati di Instagram, Facebook ADN Muda Selangor atau laman sesawang dewan.selangor.gov.my. Keputusan permohonan akan diumumkan di media sosial ADN Muda Selangor pada 17 Mei.



Teruja harga barang murah

Pengunjung borong persiapan raya

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Pengunjung Jualan Ehsan Rahmah (JER) memborong barangan murah di program anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sebagai perseediaan menyambut Aidilfitri.

Nuralia Natasha Azhar, 20, berkata beliau yang pertama kali mengunjungi jualan tersebut teruja kerana hanya membelanjakan kurang RM100 untuk membeli pelbagai barangan.

"Sangat murah, harap program ini diteruskan sampai bila-bila kerana ia amat membantu rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

"Barang yang saya beli hari ini pun boleh guna untuk masakan sebagai persiapan hari raya yang bakal tiba tidak lama lagi," katanya.



Beliau antara lebih 200 pengunjung JER peringkat Dewan Undangan Negeri Kota Damansara di Surau Nurul Iman, Subang Suria di sini pada 31 Mac.

Seorang lagi pengunjung Zainab Jaafar, 63, turut memborong barangan asas tersebut untuk diberi kepada anak-anak yang menetap di kawasan berhampiran.

"Alang-alang dah murah kita borong terus. Saya memang suka beli barang bagi pada anak-anak. Kalau di rumah hanya saya dan suami sahaja jadi makan pun tidak banyak.

"Harap JER lebih kerap dianjurkan di sini kerana ia memudahkan golongan suri rumah untuk membeli barangan keperluan asas tanpa perlu keluar jauh."

Kakitangan swasta, Muhammad Asri Jahmari, 54, yang mengunjungi JER



kali ketiga memuji kualiti barangan ditawarkan kini lebih pelbagai.

"Selain harga yang ditawarkan memang murah, barangan pun bagi saya sekarang lebih pelbagai malahan berkualiti. Saya harap program ini diteruskan lagi pada masa akan datang," ujarnya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM13).

PKPS pernah menerima Anugerah Pengurusan Berkualiti 2023 kerana kejayaan cemerlang termasuk pengendalian program JER selain pengiktirafan Malaysia Book of Records menerusi jualan ayam dan telur bersubsidi terbesar dalam tempoh dua hari sempena Aidilfitri.

Sasar 1,000 pengasuh sertai latihan

SHAH ALAM - Seramai 1,000 pengasuh dari rumah disasar menerima latihan di bawah program Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK).

Pengurus Besar Yayasan Warisan Anak Selangor (Yawas) Gan Pei Nei berkata kursus itu menumpu kepada ilmu dan kemahiran berhubung keselamatan, kesihatan dan kebersihan.

"Kita sasarkan 1,000 individu diberi latihan dan daripada jumlah ini 200 pengasuh terpilih berpeluang mener-



ima geran bernilai RM2,000 setiap seorang.

"Pemilihan pemenang pula kita akan menilai daripada aspek penglibatan mereka sepanjang kursus, tahap kebersihan dan keselamatan di kediaman dan beberapa aspek lain," katanya.

Beliau menghadiri majlis berbuka puasa bersama 100 pengasuh anjuran sekretariat IMPAK, Yawas dan Merdeka Centre di Hotel Best Western, i-City di sini pada 30 Mac.

Pei Nei menambah setakat ini seramai 147 individu mendaftar kursus yang memasuki siri ketiga dan dijangka dilaksanakan pada Mei.

"IMPAK merupakan inisiatif Kerajaan Negeri sebagai mengiktiraf pengasuh yang menjaga anak kecil di rumah yang mana kita rasa amat penting diberi sokongan dan galakan kepada wanita ini untuk bekerja," katanya.

IMPAK anjuran Yawas merupakan program latihan asas yang ditawarkan percuma kepada individu yang mengasuh kanak-kanak dari rumah tidak melebihi tiga orang.



Kisah pilu anak degil



Oleh **NADIAH ZAMLUS**
Foto **FIKRI YUSOF & REMY ARIFIN**

Tidak lengkap musim perayaan tanpa drama Aidilfitri di kaca televisyen. Tahun ini, telefilem Ayah Panggil Balik terbitan Kerajaan Selangor meneruskan tradisi karya bertema Syawal.

Tayangan hampir dua jam itu bukan hiburan semata-mata, sebaliknya disulami kisah suka duka hidup berkeluarga.

Bakal ditayangkan di TV2, naskhah itu dibarisi pelakon terkenal tanah air antaranya Datuk Ahmad Tamimi Siregar, Zaidi Omar, Fazlina Ahmad Daud dan Syafie Naswip.

Dipancarkan pada jam 9 malam, 19 April nanti, ulangannya akan disiarkan di TV1. Namun penonton tidak perlu bimbang kerana ceritanya bakal diulang tayang menerusi media sosial SelangorTV.

Mengisahkan konflik keluarga Cikgu Zainal yang dimainkan Zaidi Omar selaku teraju utama. Pelakon Lelaki Terbaik Anugerah Tribute P Ramlee berusia 65 tahun itu berjaya membawa watak seorang ayah cukup tegas. Namun pada masa sama amat penyayang.

Terkenal dengan watak budak nakal, Syafie Naswip pula sebagai anak. Tidak perlu dipertikaikan lagi, pelakon Mukhsin itu cukup bersahaja memainkan wataknya.

Sentuh jiwa

Pertama kali beliau digandingkan dengan Amira Drummer juga YouTuber Terbaik Asia sebagai adik-beradik. Meski pertama kali di layar perdana, lakonan Amira sebagai Husna ada waktunya menyentuh jiwa.

Penampilan gadis 21 tahun itu tidak mengecewakan walau sebelum ini hanya berlakon menerusi ciptaan kandungannya sendiri di platform media sosial.

“Saya masih dianggap baharu dalam bidang lakonan. Jadi bila bergabung dengan orang lama, perasaan gementar tetap ada.

“Namun semuanya berjalan lancar. Mereka beri tunjuk ajar. Bila ada scene (babak) dengan Dato’ Seri (Amirudin Shari), saya agak kekok sebab kita kenal dia sebagai pemimpin. Tapi alhamdulillah semuanya okay,” kata Amira ketika ditemui Selangorkini. ▶



Tayangan hampir dua jam itu bukan hiburan semata-mata, sebaliknya disulami kisah suka duka hidup berkeluarga



Beberapa babakannya bersama Fazlina Ahmad Daud yang memainkan watak ibu mampu membuatkan penonton mengalirkan air mata. Lakonan adik kepada pengacara popular Fauziah Ahmad Daud itu berbisa.

Peranan sebagai ibu dan isteri cukup terkesan meski dialognya hanya sekejap-sekejap. Mencecah usia 49 tahun, beliau akui melakonkan watak Mak Tam itu mencabar kerana sebelum ini terlalu kerap memegang karakter antagonis.

“Setiap lakonan ada cabarannya. Saya selalu dikaitkan dengan watak yang orang tidak suka, tapi kali ini kena jadi ibu dan isteri mithali sudah pasti rasa mencabar juga antaranya kena jaga latar suara supaya penuh keibuan,” katanya.

Kehadiran legenda Ahmad Tamimi membuatkan drama berlatar belakang suasana kampung ini nampak lebih hidup.

Pelakon veteran sepertinya jarang-jarang muncul di kaca televisyen, sekali gus memberi isyarat beliau jenis memilih skrip dan berlakon dalam naskah berkualiti.

Pelakon Lelaki Terbaik Anugerah Festival Filem Antarabangsa Asean (AIFFA) 2023 itu memegang watak imam. Seperti biasa lakonannya bersahaja dan tenang.

Kehadiran Ropie membuatkan drama ini menjadi lebih segar. Sudah pasti adegan pelakon Hantu Kak Limah Balik Kampung itu dinanti penonton.

Selain barisan pelakon mantap, lokasi penggambaran telefilem ini juga main peranan penting. Latar kampung tradisional membuatkan mata tidak terlepas menikmati keindahan Kampung Endah di Banting, Kuala Langat.

Pernah dinobatkan kampung terbaik Selangor, di situ terletak antara inap desa tercantik di negeri ini.

Lokasi penggambaran dipilih EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah. Jelasnya selain memperkenalkan inisiatif Kerajaan Negeri menerusi Ayah Panggil Balik, Selangor mahu lokasi-lokasi menarik diperkenalkan kepada khalayak.

Lokasi menarik

“Tahun depan Tahun Melawat Selangor, jadi Kerajaan Negeri berusaha untuk perkenalkan tempat yang cantik di Selangor. Kampung Endah ini memang terkenal sebagai kampung tersusun.

“Selangor sememangnya negeri pembangunan, tetapi dalam kesesakan itu, masih ada kampung dan tempat yang cantik. Yang mana masih kekalkan identiti Orang Melayu, Jawa dan Bugis,” katanya.



Borhan bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari turut membuat penampilan khas dalam drama berkenaan. Ahli Dewan Negeri Pandamaran Tony Leong Tuck Chee juga ada bersama.

Telefilem arahan Che Mie (*gambar*), pengarah filem Jibam pada 2017 itu menjelaskan Amirudin memegang watak penting sebagai Abang Kamil.

“Dato' Seri Amirudin akan tampil dalam banyak babak dan wataknya penting untuk menghidupkan jalan cerita. EXCO lain ialah Borhan Aman Shah dan Tony Leong.

“Penampilan mereka sebagai simbolik rakyat berbilang kaum dan turut mempromosi Inisiatif Selangor Penyayang antaranya Inisiatif Roda Darul Ehsan, Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor dan bantuan perumahan,” katanya.

Selain konflik kekeluargaan, jelasnya, drama itu turut menyelitkan skim Iltizam Selangor Penyayang (ISP) untuk manfaat rakyat dan menekankan perpaduan serta keharmonian.

“Kita yakin ramai akan menonton telefilem

sarat dengan pengajaran ini. Waktu tayangan juga dilihat sesuai dan turut diulang tayang selepas itu.”

Amirudin yang memegang watak Abang Kamil bertanggungjawab memperkenalkan bantuan-bantuan kepada dua remaja yang ingin mencari jalan hidup.

Di situlah inisiatif Roda Darul Ehsan, Skim Pinjaman Hijrah Selangor dan Rumah Selangorku diperkenalkan.

Bukan hiburan semata, Amirudin menegaskan langkah populis itu semata-mata mahu menyedarkan rakyat wujudnya banyak program kebajikan disedia Selangor.

“Dalam drama ini, inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri diskripikan, sekali gus memudahkan penonton faham apa yang ditawarkan Selangor.

“Sejak Julai 2022, Kerajaan Negeri menyusun 47 program bawah ISP. Selain untuk semua warga Selangor, ISP menumpukan usaha meringankan beban kumpulan pendapatan rendah negeri ini,” katanya.

Sejak 2021, Kerajaan Negeri menggunakan pengaruh selebriti bagi memperkenalkan inisiatif untuk rakyat.

Pada tahun berkenaan, Senandung Aidilfitri pertama kali disiarkan ketika larangan balik kampung akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

Tahun berikutnya ia diteruskan dengan menampilkan artis terkenal antaranya Ziana Zain, Sissy Imann, Elyana Emrizal, Raja Azura, Bell Ngasri dan Azlee Senario.

Syawal berikutnya Selangor pertama kalinya muncul di kaca televisyen siaran perdana dengan mempertaruhkan drama lakonan seniwati popular, Erra Fazira.

Drama Selalu Ada itu turut dibintangi pelakon sensasi Sophia Al Barakhbah dan Syafie Naswip. Tahun ini sekali lagi Syafie membintangi drama Ayah Panggil Balik.

Temu bual pelakon Datuk Ahmad Tamimi Siregar dan Ropie di muka 16 ►

Jalin Silaturahmi

Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam, khususnya di Selangor Darul Ehsan.

Ramadan yang berlalu membawa seribu satu makna kepada umat Islam yang taat.

Masing-masing mencari Lailatul Qadr dan melaksanakan pelbagai kebajikan dalam mengejar mardhatillah.

Seperti yang kita lihat dalam surah Fussilat ayat 53, umat Islam sentiasa diingati tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dan mengajak kita untuk sentiasa berpaksikan kepada kebenaran dan keilmuan, terutama pada waktu kita mungkin terpesong ataupun terkeluar daripada landasan kebenaran untuk menjadi manusia baik dalam masyarakat.

Alhamdulillah saya melihat kemakmuran dan kesederhanaan malam-malam terakhir Ramadan di masjid-masjid seluruh Selangor.

Bagi menyambut kemenangan yang ditandai dengan kepulangan kembali kepada fitrah, yakni maksud sebenar Aidilfitri, marilah kita semua meneruskan kerja baik yang dibajai pada bulan mulia yang lepas seperti menyantuni golongan fakir dan anak yatim serta yang kurang berkemampuan.

Kesederhanaan ini harus kita teruskan dan ditampikan bukan sahaja melalui tindakan kita, tetapi juga menerusi akal budi dan fikiran kita agar anak-anak kita turut mewarisi budaya dan akhlak yang serupa supaya dapat melahirkan generasi yang bermaruah dan berwawasan.

Manfaatkanlah sepenuhnya silaturahmi dan ukhuwah yang telah kita bina selama ini seperti yang dianjurkan agama. Kebersamaan inilah yang harus kita pelihara di Selangor, lebih-lebih lagi pada detik terdapat kelompok yang ingin menimbulkan keraguan ataupun kegusaran dalam kalangan kita hanya untuk agenda peribadi mereka.

Alhamdulillah atas kejayaan prestasi pungutan hasil Kerajaan Negeri sepanjang pentadbiran ini serta dalam tiga bulan pertama tahun ini, saya telah mengumumkan Insentif Khas Aidilfitri Kita Selangor 2024, yang memberikan satu bulan gaji kepada 21,736 penjawat-penjawat awam Negeri Selangor yang disalur pada 8 April bersamaan dengan 28 Ramadan 1445H.

Bukan itu sahaja, pentadbiran ini juga menginsafi peranan para guru seperti 4,350 guru-guru Kafa dengan Bantuan Mahabbah Ramadan sebanyak RM1,000 serta RM500 kepada 1,600 guru rakyat dengan implikasi kewangan sebanyak RM49.46 juta.

Sekali lagi, bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada anda semua. Saya memohon ampun dan maaf setulus ikhlas atas sebarang kekurangan yang ada dan berazam untuk terus memberi khidmat yang terbaik buat semua.

Taqaballallahu minna wa minkum.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Dato' Menteri Besar Selangor



Gemersik takbir
mengundang tiba,
Salam diutus tanda
ingatan,
Syawal di nanti
menjelang tiba,
Salam diutus tanda
kemaafan

Dato' Setia Haris Kasim,
Setiausaha Kerajaan Negeri



Sambutan Aidilfitri ini
merupakan kemenangan dan
ganjaran kepada mereka yang
sabar dan taat beribadah
sepanjang berada di
madrasah Ramadan
Kareem

Dato' Salim Soib @ Hamid,
Penasihat Undang-undang
Negeri



Salam Aidilfitri. Semoga
Ramadan menginsafkan
kita untuk amal
kesederhanaan dan
perbelanjaan secara
berhemah

**Dato' Dr Ahmad
Fadzli Ahmad
Tajuddin,**
Pegawai Kewangan Negeri



Peniaga Mohd Shafie Hassan menunjukkan getam, sejenis destar popular di Kelantan, pada 25 Mac di Uptown Seksyen 24, Shah Alam



Mohd Saufi Zainal Ariffin, 48, memilih baju Melayu untuk anaknya di gerai Ahmad Yusoff di Kompleks PKNS, Shah Alam



Wan Yusrin Hanis Wan Yusri menyusun produk minyak wangi di kedainya di Uptown Mines, Subang Jaya pada 29 Mac



Peniaga Nurul Nadia A Rahman menyusun kuih raya berharga RM100 bagi tiga bekas di Uptown Jalan Reko pada 29 Mac



Shahrul Bariah, 48, memilih kain pelikat untuk suaminya bagi persiapan raya di Bazar Raya Bandar Baru Sungai Buloh, Shah Alam pada 29 Mac



Amira Masri, 35, bersama suaminya Rizal Hashim, 40, memilih pelita minyak tanah bagi perhiasan raya di bazar raya Jalan Taiping, Klang pada 29 Mac



Kugiran Fadulous membawa lagu Satu Hari di Hari Raya, dendangan asal Datuk M Nasir, pada 25 Mac. Kumpulan itu menghiburkan pengunjung Uptown Seksyen 24, Shah Alam



Ceria Syawal

Orang ramai mula memenuhi bazar raya selepas berbuka puasa bagi membeli barangan persiapan Aidilfitri di bazar raya Jalan Taiping, Klang pada 29 Mac

Kemeriah sambutan lebaran semakin terasa apabila pelbagai bazar raya dibuka di serata negeri.

Meski umat Islam masih sibuk beribadah, sebilangan memilih membeli-belah terlebih dahulu untuk persiapan menyambut Syawal.

Walau disaingi hebat jualan dalam talian, bazar raya masih menjadi pilihan.

Lazimnya bilangan pengunjung ke bazar-bazar raya semakin bertambah pada minggu kedua dan minggu ketiga bulan puasa.

Barangan yang dijual tidak kurang kualiti dan sering pelbagai, selain banyak pilihan.

Selain pusat beli-belah seperti Kompleks PKNS yang menjadi tumpuan, bazar raya di tapak gerai uptown juga dikunjungi orang ramai yang ingin mencari barangan untuk merai Aidilfitri.

Lensa HAFIZ OTHMAN, FIKRI YUSOF, AHMAD ZAKKI JILAN, REMY ARIFIN dan MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN merakam kemeriahan bazar raya di tujuh lokasi.

Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.



Maskot beruang beraksi menghiburkan pengunjung Uptown Seksyen 24, Shah Alam dengan bayaran sukarela pada 29 Mac sempena jualan menyambut Hari Raya Puasa



Pekerja Rellieze Carpet Hamdi Saputra memberi penerangan berkaitan karpet kepada pembeli bagi persiapan Aidilfitri di bazar raya Jalan Taiping, Klang pada 29 Mac



Pengunjung berkesempatan bergambar bersama maskot Bumblebee ketika bersiar-siar membeli persiapan lebaran di bazar raya Jalan Taiping, Klang pada 29 Mac



Peniaga Muhammad Firdaus Zainal mempromosi empat paket sampul duit raya dengan nilai RM10 kepada pelanggan di Uptown Jalan Reko, Kajang pada 29 Mac



Azizul Azhim, 28, mencuba songkok di gerai Nadir Enterprise ketika membeli-belah di bazar raya Kompleks PKNS, Shah Alam pada 27 Mac



Peniaga Baharim Sukari cuba menggayakan kain samping kepada adik Adam Farish Norhisam, 12, di Kompleks PKNS Bangi, Kajang pada 29 Mac



Pengunjung memilih capal di gerai koleksi busana Melayu Riaz Arshad ketika tinjauan bazar raya Kompleks PKNS, Shah Alam pada 27 Mac

Tinta Syawal

Lebaran pada tahun ini disambut dengan penuh kesyukuran. Perayaan kemenangan selepas menjalani ibadah puasa juga menjadi medan untuk memperkukuh ikatan persaudaraan.

Kegembiraan ini dirai di seluruh negara, khususnya rakyat Selangor termasuk barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang diketuai Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Selamat menyambut Aidilfitri. Saya berharap yang bercuti dapat saling berkunjung untuk merapatkan hubungan sesama kita sebagai masyarakat bertamadun dan beradani

Lau Weng San
Speaker Dewan Negeri
Selangor

Berakhir sudah Ramadan bermakna tiba Syawal membawa bahagia. Marilah kita sambut Syawal dengan gaya keyakinan, merayakan keindahan tradisi dan kepelbagaian budaya. Semoga setiap langkah kita diterangi sinar kasih sayang

Ng Sze Han
EXCO Pelaburan, Perdagangan &
Mobiliti

Saya mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri. Semoga perayaan kali ini disambut penuh kesyukuran. Sambutlah Syawal ini dengan penuh keinsafan dan kesederhanaan

Ir Izham Hashim
EXCO Infrastruktur &
Pertanian

Salam Aidilfitri kepada semua muslimin dan muslimat. Marilah sama-sama kita menyambut ketibaan Syawal ini dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan

Borhan Aman Shah
EXCO Perumahan & Kebudayaan

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh muslimin dan muslimat. Semoga sambutan raya kali ini membawa kegembiraan, kebahagiaan dan keberkatan

Dato' Ng Suee Lim
EXCO Kerajaan Tempatan &
Pelancongan

Raikanlah kedatangan Syawal dengan penuh gembira dan keinsafan. Selamat Hari Raya Aidilfitri buat seluruh umat Islam di Selangor

Datuk Rizam Ismail
EXCO Kemajuan Desa
& Perpaduan

Selamat Hari Raya Aidilfitri. Moga dikurniakan usia untuk kembali bertemu dengan Ramadan pada tahun hadapan. Didoakan kebahagiaan di samping keluarga tersayang

Najwan Halimi
EXCO Belia, Sukan &
Keusahawanan

Saya ingin mengucapkan selamat hari raya kepada seluruh muslimin dan muslimat serta seluruh warga Selangor meraikan bersama. Salam Aidilfitri dan salam kosong-kosong!

Jamaliah Jamaluddin
EXCO Kesihatan Awam &
Alam Sekitar

Tangan dihulur maaf dipinta, erat hubungan sesama kita. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin

Papparaidu Veraman
EXCO Sumber Manusia &
Pembasmian Kemiskinan

Alhamdulillah, bulan madrasah penuh mulia melabuh tirainya. Semoga kita menjadi hamba lebih bertakwa kepada-Nya

Dr Mohammad Fahmi Ngah
EXCO Agama Islam &
Pembudayaan Inovasi

Moga Aidilfitri disambut penuh kesyukuran dan dapat kembali mengeratkan silaturahmi sesama ahli keluarga dan kawan. Maaf zahir dan batin

Anfaal Saari
EXCO Pembangunan Wanita
& Kebajikan Masyarakat

*Selamat
Hari Raya
Aidilfitri*

MAAF ZAHIR BATIN

Bantuan rumah umpama mimpi



Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**
Foto **FIKRI YUSOF**

Syawal 2024 cukup manis buat Nurhasanah Ramlee kerana akan menyambut hari lebaran di rumah baharu didirikan atas tanah wakaf hasil bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Menyifatkan ia umpama mimpi, ibu tunggal berumur 42 tahun itu tidak pernah terfikir permohonan dalam 2019 untuk memiliki rumah mendapat perhatian LZS melalui sepucuk surat kelulusan pada 2023.

Awalnya Nurhasanah mahu berpindah selepas Hari Raya Aidilfitri, tetapi rumah itu disiapkan lebih awal membolehkan beliau menerima kunci pada 7 Mac, kira-kira seminggu sebelum Ramadan menjengah.

Tiga anaknya iaitu Azwin Nabeela Fazri Azwan berumur 18 tahun, kedua Alya Aleesya Fazri Azwan (15 tahun) dan yang bongsu Izzara Dania Fazri Azwan (12 tahun) juga meluahkan rasa gembira berpindah ke rumah baharu.

Buat pertama kali, mereka dapat tidur di bilik sendiri. Meskipun begitu, mereka sedikit sedih kerana harus berpindah sekolah dan berpisah dengan kawan-kawan.

Rumah tiga bilik berharga RM126,000 itu siap atas sebidang tanah wakaf di Kanchong Darat yang jaraknya kira-kira 45 minit dari rumah ibunya di Sijangkang, Kuala Langat.

“Saya bersyukur sangat. Rezeki anak-anak. Sebab benda ini bukan sekejap, proses hendak dapat kelulusan tu lima tahun,” katanya ketika

ditemui Selangorkini pada 16 Mac.

Menjadi asnaf zakat sejak 2015, Nurhasanah berkata tanah lokasi rumahnya dibina diwakafkan seorang wanita tidak dikenali, sehingga mereka bertemu sewaktu majlis penyerahan rumah pada tarikh tersebut.

Menetap di Sijangkang sejak 11 tahun lalu selepas bercerai, usaha Nurhasanah mendapatkan rumah asnaf bermula pada 2019 apabila seorang amil di Kanchong Darat menolongnya menguruskan permohonan.

Amil itu menolongnya atas syor seorang imam di Sijangkang yang mengetahui keadaan keluarga Nurhasanah dan statusnya sebagai asnaf.

Nurhasanah mula hidup susah apabila bercerai dengan suami ketika berusia 31 tahun pada 2013, selepas lapan tahun berkahwin.

Sehelai sepinggang

Ketika itu, beliau terus pulang ke rumah ibunya di Sijangkang sehelai sepinggang dengan mengendong anak bongsunya yang berusia setahun bersama dua lagi anak dari Perak.

“Pada masa itu kita muda lagi. Anak sulung baru masuk darjah dua, anak kedua baru empat tahun dan anak bongsu satu tahun,” katanya.

Perceraian itu membuatnya tertekan sehingga enggan berjumpa dengan sesiapa dan hanya berurusan dengan keluarga.

Tidak lama selepas itu, beliau mendapat kerja kerani di sebuah syarikat swasta dengan gaji RM1,000 sebulan. Bapanya turut meringankan beban dengan membantu mengurus

persekolahan anak.

Dua tahun kemudian, hidupnya sekali lagi diuji apabila bapanya yang menjadi tempat bergantung harap meninggal dunia.

Pemergian ayahnya menyebabkan kesihatan ibu merosot sehingga beliau terpaksa berhenti kerja bagi menjaga orang tua. Ibu Nurhasanah meninggal dunia akibat jangkitan Covid-19 pada 2021.

Bagi menampung hidup, membesarkan anak-anak dan menjaga ibu sakit pada masa itu, wanita berkenaan membuat dan menjual kuih.

Situasi kewangan Nurhasanah lega apabila mulai 2015, anak-anaknya mendapat bantuan sekolah berbentuk baju seragam dan peralatan sekolah, selain bantuan hari raya RM500 daripada lembaga itu.

Tiga tahun kemudian, Nurhasanah pula mula dibantu LZS selaku asnaf sebanyak RM500 setiap bulan. Bagaimanapun jumlah bantuan berubah kepada RM400 sebulan selepas rekodnya dikemaskini.

Mengakui jumlah berkenaan tidak mencukupi, beliau tetap bersyukur kerana masih dapat membantu perbelanjaan bulanan terutama keperluan anak-anak bersekolah.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, Nurhasanah berkata beliau bercadang untuk mengembangkan perniagaan membuat dan menjual kuihnya.

Ketika ini, beliau memperoleh pendapatan kira-kira RM500 sebulan hasil jualan kuihnya. Selain itu, Nurhasanah juga menyimpan hasrat untuk menceburi perniagaan produk kecantikan.

Ceburi seni selepas gagal jadi qari

Oleh NAZLI IBRAHIM dan SOFIA NASIR
Foto FIKRI YUSOF

Perjalanan Datuk Ahmad Tamimi Siregar bergelar anak seni tidak mudah dek latar belakang agama keluarganya yang kuat. Bapanya, Kamaruddin Siregar, guru agama di Seremban mengimpikan anak lelakinya menjadi qari dan awal-awal sudah mengasuhnya ke arah itu.

Sejak umur enam tahun beliau diberi latihan mengaji, namun tidak dapat menguasai bacaan sebaliknya hanya menghafal ayat-ayat Quran.

“Jadi apabila menyertai pertandingan qari, saya tewas kerana gagal baca dengan lancar. Akhirnya saya meminati seni,” katanya kepada Selangorkini pada 30 Januari.

Minat terhadap seni menyebabkan bapanya marah sehingga sanggup berjumpa guru besar sekolah dan memberitahu untuk menegah Ahmad Tamimi menyertai sebarang aktiviti seni, terutama tarian.

Menjelang dewasa, minat Ahmad Tamimi terhadap seni semakin menebal dan kemudian menyertai uji bakat teater muzikal Uda dan Dara di Kuala Lumpur pada 1970-an.

Ahmad Tamimi menjelaskan meski semasa itu beliau sudah bekerja sebagai kakitangan kerajaan, tetapi tetap hadir uji bakat kerana tidak mahu terlepas peluang beraksi dalam teater muzikal bahasa Melayu pertama negara hasil karya sasterawan Usman Awang.

“Saya gagal uji bakat. Tetapi tetap datang melihat latihan teater hampir setiap hari sehinggalah Datuk Rahim Razali menyedari kehadiran saya.

“Beliau kemudian menguji saya melakukan pelbagai watak dan diterima masuk sebagai pelakon tambahan dalam teater tersebut,” katanya.

Namun penglibatan Ahmad Tamimi dalam bidang seni mendapat tentangan keras Kamaruddin selama beberapa tahun sehingga ada seorang pelajar di pusat pengajian bapanya menerangkan hal sebenar kerjaya seni.

Sejak itu, pelakon filem Abang itu mendapati sikap bapanya perlahan berubah dan kerap bercerita mengenai kejayaan atau naskhah lakonan Ahmad Tamimi kepada masyarakat setempat.

“Beliau adalah peminat nombor satu saya. Bapa tidak pernah tunjuk bahawa dia bangga dengan pencapaian saya tetapi dia bercerita kepada orang ramai. Itu saya amat pasti,” katanya.

Bercakap mengenai Aidilfitri, Ahmad Tamimi



Jadi apabila menyertai pertandingan qari, saya tewas kerana gagal baca dengan lancar. Akhirnya saya meminati seni

AHMAD TAMIMI

berhari raya di Kuala Lumpur setiap kali lebaran kerana mahu memudahkan anak-anaknya berkumpul.

Dedah anak kelahiran Perak itu, beliau tidak pernah merasa kesesakan jalan raya untuk pulang ke kampung halaman bagi menyambut Syawal.

“Saya hanya beraya di Kuala Lumpur dan tidak pernah merasa kesesakan jalan raya. Sebelum ini ada juga balik kampung mentua di Terengganu tetapi lama kelamaan isteri pun kata hanya raya di Kuala Lumpur saja,” kata bapa lapan anak dan datuk kepada sembilan cucu ini.

Memegang watak imam, Ahmad Tamimi berganding bersama Zaidi Omar, Fazlina Ahmad Daud, Syafie Naswip dan Amira

Drummer menjayakan telefilem Ayah Panggil Balik terbitan Kerajaan Selangor.

Disergah beruk

Aksi Pelakon Lelaki Terbaik Asean 2023 dalam drama sempena Aidilfitri selama dua jam itu dipertontonkan di saluran TV2 pada jam 9 malam, 19 April ini.

Seorang lagi pelakon telefilem, Ropie yang ditemui di lokasi penggambaran Ayah Panggil Balik di Kampung Kundang, Kuala Langat, 30 Januari juga mendedahkan pengalaman lucu meraikan lebaran semasa berumur 12 tahun.

Anak jati Padang Rengas, Taiping itu berkongsi kenangan disergah beruk hingga duit raya berjumlah RM12 bertaburan yang masih segar dalam ingatan.

Pemilik nama sebenar, Zahid Tajuddin, 57, berkata baginya, peristiwa pada mulanya menyedihkan kerana kehilangan duit raya, tetapi bertukar manis apabila dikenang semula

selepas dewasa.

“Kalau pengalaman masa kecil, pergi beraya paling seronok. Saya dan adik-beradik saya tiga orang pergi beraya rumah orang di kampung dari pagi sampai hampir malam. Dapatlah RM12. Masa itu cukup banyak.

“Jalan punya jalan, saya tak nampak ada beruk orang kampung bela, diikat rantai. Sekali, dia sergah, mahu terkam. Saya terperanjat berterabur duit raya. Masa itu duit raya syiling 10 sen, lima sen habis berterabur. Saya lari tak kutip duit itu,” katanya.

Bekas anggota kumpulan Cecupak itu menyifatkan Syawal 2016 merupakan raya paling menyentuh perasaan kerana terpaksa berjauhan dengan anak-anak.

Ketika itu, bekas isteri mengambil tiga anaknya dan beraya bersama, manakala Ropie pula pulang ke Taiping seorang diri.

“Pagi raya itu anak-anak hantar gambar dengan papa baharu dia dengan baju sedondon. Masa itu saya rasa macam tersentuh sangat. Baju pun saya tak beli,” katanya.

Kini ketiga-tiga anaknya sudah dewasa. Anak lelaki sulung berusia 29 tahun dan dua anak perempuan masing-masing berumur 28 serta 25 tahun.

Ketika bulan puasa, Ropie sedaya upaya mencari peluang memperbanyakkan ibadat termasuk solat tarawih dengan mengurangkan aktiviti seni pada bulan puasa.

“Kalau ada penggambaran bersambung pada bulan puasa, kena jalanlah juga sebab kalau tidak nanti kacau jadual orang lain,” katanya.

Menyentuh telemovie Ayah Panggil Balik, Ropie menganggapnya

penghormatan dapat berlakon di samping nama besar industri perfileman seperti Ahmad Tamimi dan Zaidi Omar.

Lebih istimewa lagi, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Negeri Borhan Aman Shah turut membuat penampilan khas dalam telefilem ini.

“Kelainan cerita ini, saya digandingkan dengan legenda. Jadi, saya berbesar hati. Cuma rasa macam tak boleh 'loklak' (gila-gila) sangat. Sebenarnya dia orang

mesra cuma kita yang segan dan hormat pada mereka.

“Saya pernah berlakon dengan mereka ini tetapi tak selalulah. Bila sudah lama tak jumpa dan sesekali jumpa, ada pula menteri besar, wakil rakyat, jadi kita rasa lain sikit. Tak kelakar sangat. Maklumlah berlakon pun jadi orang surau,” katanya.

Selain jalan cerita penuh pengajaran, Ropie menganggap keistimewaan lain telefilem ini kerana berlatar belakang tempat menarik di Sepang dan Kuala Langat.





Derita Ramadan

Kanak-kanak Palestin tidak sabar mengambil makanan pada hari ketiga Ramadan, bersamaan 13 Mac, ketika serangan Israel berterusan di Rafah, selatan Gaza

SHAH ALAM - Ibadat puasa datang dalam suasana penuh sengsara di Palestin: warga Gaza khususnya berdepan kebuluran, tiada ubat-ubatan dan sentiasa diancam serangan regim Israel.

Setakat 31 Mac, sekurang-kurangnya 32,782 orang Palestin terbunuh, manakala 75,298 lagi cedera dalam serangan berterusan sejak 7 Oktober tahun lalu.

Asakan rejim zionis belum menampakkan tanda-tanda berhenti atas alasan mahu memburu pejuang Harakat al-Muqawama al-Islamiyah (Hamas) yang didakwa bersembunyi di kawasan berkenaan.

Rumah, masjid, sekolah dan hospital tidak terlepas daripada roket, bom dan peluru Israel. Banyak yang telah musnah, manakala ribuan penduduk terperangkap di Gaza.

Bagi pihak Malaysia, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim lantang mengkritik sikap bungkam negara Barat di persidangan utama dan di hadapan pemimpin negara besar dunia.

Selangorkini berkongsi foto daripada Reuters yang memaparkan penderitaan rakyat Palestin di Gaza sepanjang Ramadan di tengah-tengah peperangan tidak berkesudahan itu.



Orang ramai mengusung jenazah warga Palestin yang terkorban akibat serangan tentera zionis pada 27 Mac, bersamaan 17 Ramadan iaitu hari ulang tahun turunnya al-Quran, semasa konflik di Rafah



Umat Islam bersolat tarawih berjemaah di pekarangan Masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis pada malam pertama Ramadan, 10 Mac. Masjid suci ketiga bagi muslim itu turut menjadi rebutan orang Yahudi



Seorang wanita membaca al-Quran di sekolah kelolaan agensi bantuan UNRWA, badan bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di Jabalia yang menjadi tempatnya berlindung selepas lebih seminggu puasa pada 20 Mac



Lelaki Palestin Wael al-Attar dan keluarga berbuka puasa hanya memakan khobiza, sejenis sayur liar, di sekolah yang menjadi kem perlindungan di Jabalia, utara Gaza pada 12 Ramadan

Sekat perjalanan 182,666 individu

SHAH ALAM - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaksanakan sekatan perjalanan ke atas 182,666 individu yang mempunyai tunggakan cukai setakat 29 Februari, kata timbalan menteri kewangan.

Lim Hui Ying berkata 171,571 kes melibatkan individu yang mempunyai tunggakan cukai pendapatan manakala 11,095 kes berkaitan tunggakan cukai keuntungan harta tanah, lapor Bernama.

Beliau berkata LHDN akan menghantar beberapa surat peringatan mengenai tuntutan bayaran tunggakan dan emel pemakluman serta menghubungi pembayar cukai terbabit sebelum sekatan perjalanan dikuatkuasakan.

"Kegagalan menyelesaikan bayaran tunggakan cukai mengikut tempoh ditetapkan akan mengakibatkan pembayar cukai berdepan dengan tindakan sekatan perjalanan ke luar negara," katanya di Dewan Negara pada 1 April.

Pembayar boleh menyemak status tunggakan cukai melalui portal MyTax selain membuat semakan perjalanan di laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya terdapat sekatan yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi lain.

85 peratus dapat subsidi bersasar

SHAH ALAM - Langkah kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi bertujuan memastikan faedahnya benar-benar dinikmati oleh 80 hingga 85 peratus rakyat, kata perdana menteri.

Jelas Datuk Seri Anwar Ibrahim, langkah itu juga bagi mengelakkan manfaat subsidi dinikmati golongan kaya selain kira-kira 3.5 juta warga asing di negara ini, lapor Bernama.

"Kita bagi subsidi minyak siapa yang peroleh untung sekarang? Ya rakyat Malaysia ... 3.5 juta atau hampir empat juta orang asing pun dapat subsidi minyak,



kerana kita bagi subsidi kepada semua. "Orang paling kaya di dalam negara kita pun dapat subsidi minyak, jadi kita kena cari jalan bagaimana kita boleh gunakan apa yang disedak untuk penyasaran subsidi supaya faedah subsidi itu dipulangkan langsung kepada 80 ke 85 peratus rakyat," katanya pada 1 April.

Beliau berkata langkah sama turut dilaksanakan membabitkan tarif elektrik iaitu peningkatan tarif hanya memberi kesan kepada 15 peratus rakyat yang berpendapatan tinggi selain syarikat dan kilang.

Anwar berkata penyasaran subsidi

minyak diesel pula bertujuan menghen-tikan ketirisan dan penyeludupan sejak sekian lama yang menyebabkan kerugian puluhan bilion setiap tahun.

"Sebab itu saya kata penyasaran subsidi maknanya naik harga bagi 15 peratus rakyat berpendapatan tertinggi dan orang asing, tetapi tidak membebankan (rakyat).

"Kalau kita lakukan apa-apa perubahan berkaitan diesel mesti tentukan perkhidmatan awam, lori-lori Felda, nelayan, bas sekolah, jabatan kerajaan itu tidak dikenakan kenaikan diesel," katanya yang turut bersedia menerima pandangan mengenai isu subsidi bersasar.

Tunai Rahmah dibayar mulai 3 April

8.4 juta nikmati bantuan kewangan

SHAH ALAM - Seramai 8.4 juta penerima menikmati Sumbangan Tunai Rah-

mah (STR) fasa 2 antara RM100 hingga RM650 bermula 3 April.

Kementerian Kewangan (MOF) memaklumkan pembayaran kepada penerima sedia ada dan baharu melalui pengkreditan ke akaun bank atau tunai menerusi Bank Simpanan Nasional secara berperingkat mengikut kategori kelayakan.

Menurut MOF, mulai tahun ini kerajaan membuka pendaftaran STR 2024 sepanjang tahun bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat daripada bantuan kerajaan, lapor Bernama.

"Bilangan penerima yang layak dijangka terus meningkat pada tahun ini mengambil kira proses permohonan

baharu dan kemas kini yang dijalankan sepanjang tahun berbanding setahun sekali sebelum ini," menurut kenyataan itu pada 1 April.

Menurut MOF, sekiranya nama pemohon tiada dalam pangkalan data, mereka perlu memohon bagi membolehkan proses pengesahan mengikut kategori kelayakan STR dimuktamadkan.

MOF memaklumkan peruntukan program subsidi bersasar STR fasa 2 bertambah sebanyak 20 peratus kepada RM1.5 bilion berbanding RM1.26 bilion tahun lalu.

Semak status kelayakan dan soalan lazim STR melalui pautan bantuanunai.hasil.gov.my

Analisis data Padu

SHAH ALAM - Analisis data dan pengesahan sistem Pangkalan Data Utama (Padu) dijangka dapat dikeluarkan pertengahan bulan ini, kata Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Dalam kenyataan di X, beliau berkata individu yang belum berkesempatan mendaftar pada tarikh tutup, maka data pentadbiran yang diterima daripada pelbagai agensi akan digunakan dahulu dalam proses penganalisaan yang dilaksanakan, lapor Berita Harian.

Setakat jam 12 tengah hari 31 Mac, 10.8 juta rakyat Malaysia telah mendaftar Padu yang mana jumlah itu merangkumi 48.3 peratus daripada jumlah keseluruhan 21.96 juta war-

ganegara berumur 18 tahun ke atas.

Antara negeri tertinggi jumlah pendaftaran Padu ialah Perlis, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan melepasi sasaran 50 peratus.

Dr Mohd Uzir ketika lawatan di Seksyen 22 Petaling Jaya berkata sistem berkenaan terus berfungsi tanpa gangguan biarpun berdepan aliran trafik pendaftaran tinggi sejak dilancarkan pada 2 Januari.

Katanya, data yang disimpan dalam sistem Padu akan memudahkan Jabatan Perangkaan Malaysia membuat analisis dan banciaan bagi penyaluran bantuan selain membantu kerajaan memperkenalkan polisi yang sesuai dengan keperluan rakyat.

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/02/2024	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MEMBAIKPULIH LALUAN MIKROMOBILITI DI CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024	CIDB, SPKK DAN G4 Kategori CE (CE21) DAN UPEN	RM 200.00
2.	T/MPSepang/KEJ/03/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL BAWAH TANAH BAGI SISTEM LAMPU AWAM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN SUSUR NAIK TURUN FT29 DAN PERSIARAN APEC, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024	CIDB, SPKK DAN G4 Kategori ME (E04, E06, E11, E16 & E17) DAN UPEN	RM 200.00
3.	T/MPSepang/KEJ/04/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN LANTERA LAMPU AWAM LED SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI SEBAGIAN PERSIARAN MULTIMEDIA, PERSIARAN RIMBA PERMAI, PERSIARAN BESTARI, PERSIARAN SEPANG, PERSIARAN CERIA, PERSIARAN CYBERPOINT SELATAN, LINGKARAN CYBERPOINT BARAT, LINGKARAN CYBERPOINT TIMUR, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024	CIDB, SPKK DAN G4 Kategori ME (E04, E06, E11, E16 & E17) DAN UPEN	RM 200.00
4.	T/MPSepang/KEJ/05/2024	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN KABEL BAWAH TANAH BAGI SISTEM LAMPU AWAM SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI SEPANJANG PERSIARAN APEC, CYBERJAYA (FASA 2) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2024	CIDB, SPKK DAN G4 Kategori ME (E04, E06, E11, E16 & E17) DAN UPEN	RM 200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **03 April 2024** hingga **26 April 2024** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (**UPEN**). Bayaran dibuat secara atas talian melalui **FPX, Kredit Kad dan Debit Kad** atau secara **Tunai, Wang Pos** atau **Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **26 April 2024**.
4. Kontraktor-kontraktor yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Selamat Hari Raya

MAAF ZAHIR & BATIN

ikhlas daripada



DATUK BANDAR, TIMBALAN DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS DAN SELURUH WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
الجامعة الإسلامية السليمانية
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY

Selamat 1445 H Hari Raya Aidilfitri

• — Maaf Zahir Dan Batin — •

“Disisir diandam dengan cekap,
Potong rambut pelbagai gaya,
Puasa sebulan sudahlah lengkap,
Kini menyambut Hari Raya.”

Ikhlas Daripada:

Seluruh Warga UIS

Jayakan hospital mesra ibadah

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan dana zakat RM10,000 kepada Hospital Cyberjaya bagi menjayakan program hospital mesra ibadah.

Menurut agensi itu, agihan menerusi program Creating Shared Value bagi menyantuni golongan barisan hadapan dan hospital secara bersasar pada 27 Mac.

"Sebagai institusi yang diamanahkan, adalah menjadi kewajipan kepada LZS untuk menyalurkan wang zakat itu agar manfaat zakat dapat digunakan untuk semua.

"Kami amat komited menguruskan dana zakat ini sebaik-baiknya dengan telus, adil dan memastikan keberkesanan agihannya," katanya di Facebook pada 30 Mac.

RM77,000 tingkat kemudahan surau

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) mengagih sumbangan berjumlah RM77,000 kepada dua surau bagi penambahan infrastruktur selain menjamin kesejahteraan jemaahnya.

Menerusi Facebook, perbadanan itu memaklumkan sumbangan wakaf fisabilillah RM40,000 diserahkan Pengurus Korporatnya Muhammad Hafiz Bahari kepada wakil Surau Al-Buhairah Bandar Bukit Mahkota, Kajang untuk membiayai kos binaan menara azan.

Jelasnya, sebanyak RM37,000 pula diserahkan kepada pentadbir Surau Al-Munawir Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 9, Shah Alam bagi menambah baik institusi terbabit.

14 rumah ibadat terima sumbangan

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pandamaran menghulur sejumlah RM32,000 kepada empat masjid dan 10 surau bagi melaksanakan program mengimarah sepanjang Ramadan.

Wakil rakyatnya Leong Tuck Chee berkata pihaknya turut menganjurkan program edaran bubur lambuk melibatkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Telok Gadong, Sungai Udang, Kampung Raja Uda dan Kampung Baru Pandamaran.

"Pusat khidmat DUN turut mengedar 200 bakul makanan di Pangsapuri Pandamaran dan Pangsapuri Sri Angkasa dengan kerjasama Kumpulan Sunway."

Lembaran baharu Stadium Merdeka

SHAH ALAM - Penganjuran Piala Sultan Selangor (TSSC) 2024 pada Ogos depan bakal membuka lembaran baharu buat Stadium Merdeka yang menyimpan pelbagai sejarah negara.

Pengerusi dan Pengurus Pasukan TSSC Tan Sri Abd Karim Munisar berkata kejohanan itu menjadi penganjuran sulung mercu tanda tersebut selepas ditutup bagi kerja naik taraf pada 2016.

Beliau berkata Piala Sultan Selangor umpama dihidupkan semula selepas penganjurannya ditangguh sejak 2020 ber-

kutan pandemik Covid-19, lapor Bernama.

"Ini mencetuskan juga idea kepada semua lapisan masyarakat tentang imej Stadium Merdeka itu sendiri. Sejarah Stadium Merdeka yang lepas dicetus melalui Piala Sultan Selangor yang akan diadakan pada 17 Ogos.

"Ia adalah pemasaran yang baik untuk stadium itu sendiri. Kita juga menggalakkan penggunaan kenderaan awam sebab banyak pembinaan sedang berlaku di Stadium Merdeka dan tak akan tamat. Pihak Prasarana Malaysia Bhd juga ber-

setuju melanjutkan masa sehingga 12 tengah malam pada waktu itu," katanya pada 29 Mac.

Beliau berkata demikian selepas Mesyuarat dan Majlis Berbuka Puasa Jawatankuasa TSSC yang turut dihadiri Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Proses baik pulih Stadium Merdeka dijangka siap pada April atau Mei dan perkembangannya turut dipantau Permodalan Nasional Berhad selaku pihak pengurusan stadium.

Dana buat 27 rumah pemulihan

RM10.9 juta urus kebajikan asnaf

Oleh **NAS NORZIELA NASBAH**

SHAH ALAM - Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyumbang RM10.9 juta kepada 27 rumah pemulihan riqab (RPR) untuk kebajikan asnaf pusat terbabit.

Pengerusinya Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata dana itu digunakan untuk menampung kos program, pengurusan dan penjagaan asnaf riqab tahun ini.

"Melalui sumbangan ini, saya harap proses bimbingan, pemulihan dan

pendidikan kepada asnaf riqab ini dapat diperkemas dengan lebih baik lagi.

"Semoga penerima manfaat dalam kalangan asnaf riqab ini segera pulih dan kembali ke jalan Islam yang sebenarnya, insha-Allah," katanya.

Beliau menghadiri majlis Tadarus dan Iftar Perdana RPR anjuran Mais pada 28 Mac. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Riqab Mais Tan Sri Hashim Meon.

Antara RPR yang menerima bantuan ialah Rumah Teduhan Kasih, Rumah Puteri Arafiah, Rumah Penawar

Alam Jaya, Rumah Perlindungan dan Bimbingan Wanita Bayt Rahmah.

Mais juga menyampaikan sumbangan RM357,000 kepada 1,190 asnaf riqab bagi membolehkan mereka membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

"Sumbangan yang diagihkan menggunakan peruntukan zakat asnaf riqab ini bertujuan membantu mereka yang memerlukan bantuan pemulihan, perlindungan, rawatan, pencegahan dan kawalan bagi menggalakkan kembali ke pangkal jalan," katanya.

Yide tingkat mutu pengurusan data

SEPANG - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) menerima sijil perakuan pendaftaran pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial kategori kesihatan daripada Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP).

Pengerusinya berkata perakuan itu meningkatkan ketelusan dan mutu pengurusan data peribadi kendalian Yide termasuk maklumat penyumbang, anak yatim berdaftar dan penerima bantuan.

"Yide merupakan yaysan keem-pat di Selangor yang berdaftar dengan JPDP bagi pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial," kata Tan Sri Mazlan Mansor pada 24 Mac.

Katanya, Yide berdaftar bawah kategori kesihatan melibatkan enam pusat dialisis Majlis Agama Islam Selangor (Mais) di Bukit Jelutong, Kapar, Kuala Selangor, Shah Alam, Sungai Besar dan Taman Melawati.

Beliau menambah perlindungan data peribadi menjadi keutamaan Yide selain menumpukan kebajikan anak yatim, keperluan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan di enam pusat dialisisnya.

"Yide mendapat sokongan pelbagai pihak bagi memastikan kebajikan dan kelangsungan bantuan kepada anak yatim dan penerima manfaat lain terjaga. Diharap sokongan ini berterusan," katanya.

Sivasangari atasi El Hammamy

SHAH ALAM - Ratu skuasy negara S Sivasangari melakar sejarah menjuarai edisi sulung Kejohanan Skuasy Klasik London menewaskan pemain kedua dunia Hania El Hammamy dari Mesir.

Juara Sukan Asia 2022 itu terpaksa bertarung lima set sebelum mengungguli Jelajah Dunia Persatuan Skuasy Profesional (PSA) bertaraf emas di Alexandra Palace, United Kingdom pada 1 April.

Kemenangan tersebut merupakan yang kedua buat Sivasangari ke atas El Hammamy sepanjang

enam pertemuan sebelum ini.

Kejayaan ke pentas akhir kejohanan bertaraf emas itu juga menyamai rekod bekas ratu skuasy negara Datuk Nicol David pada 2015.

"Tiada kata untuk menggambarkannya (kemenangan ini) tapi saya sangat gembira dengan cara saya menangani minggu ini dengan menewaskan pemain dalam ranking 10 terbaik tiga kali. Mereka semua pemain yang baik," katanya seperti dilapor Bernama.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000017874	CONSTRUCTION OF A NEW POWDERED ACTIVATED CARBON DOSING FACILITIES AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT LABOHAN DAGANG WATER TREATMENT PLANT

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau <https://tender.airselangor.com>



Salam mahabbah

UCAPAN AHLI DEWAN NEGERI



Perayaan Aidilfitri disambut seluruh umat Islam merupakan tanda kesyukuran. Semoga kita saling menginsafi. Selamat Hari Raya Aidilfitri

Mohd Kamri Kamaruddin
Bukit Antarabangsa



Saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Semoga perayaan ini membawa keharmonian dan kesejahteraan. Minal aidil wal fa'izin

Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad
Lembah Jaya



Salam Aidilfitri buat seluruh umat Islam tanda kemenangan setelah sebulan berpuasa. Semoga segala amalan kita diterima Allah SWT

Datuk Wira Johan Abd Aziz
Dusun Tua



Selamat Hari Raya. Ketika bergembira sambut Aidilfitri, jangan dilupa perjuangan rakyat Palestin membebaskan tanah air mereka. Maaf zahir dan batin

Abbas Azmi
Seri Serdang



Saya ucapkan selamat hari raya buat semua umat Islam. Dalam kita bergembira sentiasalah ingatkan yang kurang berkemampuan supaya kita sentiasa bersyukur

Muhammad Izuan Ahmad Kasim
Kota Damansara



Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam khususnya di Selangor. Tahun ini kita bertambah gembira kerana sekali lagi berpeluang menyambut hari lebaran bersama keluarga

Danial Al Rashid Haron
Batu Tiga



Salam Aidilfitri kepada seluruh umat Islam khusus kepada warga Selangor. Semoga ibadah Ramadan diterima dan bergembira bersama keluarga serta sanak saudara. Sambutlah Syawal dengan penuh sederhana dan kesyukuran

Mariam Abdul Rashid
Meru



Berakhir sudah ibadat puasa, Kini Syawal berkunjung tiba, Bulan mulia membawa bahagia, Mengikat kasih sesama saudara. Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir batin

Azmizam Zaman Huri
Pelabuhan Klang



MEGA JUALAN **Ehsan** **RAHMAH** MADANI *Rahmah itu Berkat* **AIDILFITRI**

LOKASI - SABTU, 6 APRIL 2024

PANDAN INDAH

Masa : 9:00 Pg - 12:00 Tghr
Lokasi : Dataran Masjid Nurul Hidayah,
Kg Pandan Dalam



SABAK BERNAM

Masa : 9:00 Pg - 12:00 Tghr
Lokasi : Stesen Bas Pekan Sabak

LOKASI - AHAD, 7 APRIL 2024

SUNGAI TUA

Masa : 9:00 Pg - 12:00 Tghr
Lokasi : Gua Damai Extreme Park,
Kampung Melayu Wira Damai, Batu Caves



TANJONG SEPAT

Masa : 9:00 Pg - 12:00 Tghr
Lokasi : Dataran Pantai Batu Laut



KUALA KUBU BHARU

Masa : 9:00 Pg - 12:00 Tghr
Lokasi : Jalan Ara 5 JRD Batang Kali
(berdekatan Dewan Abdul Hamid Batang Kali)

selangorkini

BERTEMU SEMULA EDISI 18-24 APRIL

SEMPENA sambutan 1 Syawal, Selangorkini tidak diterbitkan minggu depan. Akhbar ini termasuk sisipan Pancawarna kembali menemui pembaca dengan berita dan rencana menarik pada 18-24 April.

Tonton tadabbur al-Quran setiap hari

SHAH ALAM - Program tadabbur al-Quran sehari satu ayat anjuran Pejabat Dato' Menteri Besar sekali lagi ditayang sepanjang Ramadan.

Program bertema tadabbur dan pengertian al-Quran dipancar melalui media sosial Amirudin Shari, Media Selangor dan TV Al-Hijrah setiap hari jam 5 petang.

"Kali ini saya dibimbing Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Ustaz Dr Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Pada kali ini kita menjemput Qawi, seorang qari berbakat untuk bersama-sama membacakan tilawah ayat-ayat pilihan," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

RM348,880 semarak program Ramadan

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri Pandan Indah memperuntuk RM348,880 bagi melaksanakan pelbagai program sepanjang Ramadan.

Wakil rakyatnya Ir Izham Hashim berkata sebanyak RM52,500 diserahkan kepada tiga masjid dan 31 surau bagi menjayakan program pengimaran.

"Kita turut sediakan peruntukan bagi program membantu golongan memerlukan termasuklah sumbangan ayam mentah bagi 500 keluarga sebagai persiapan menjelang Aidilfitri selain bakul prihatin dan duit raya kepada golongan asnaf," katanya pada 29 Mac.

Beliau turut memaklumkan sebanyak RM2,000 diperuntuk bagi meneruskan program Jom Isi Minyak Motor Balik Kampung.

Kekal bersama Harimau Malaya

SHAH ALAM - Ketua jurulatih Harimau Malaya menafikan laporan berita beliau menghantar surat kepada Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan sedia meninggalkan pasukan negara.

Kim Pan Gon menjelaskan beliau tidak menghantar sebarang surat dan komited untuk terus membimbing pasukan sehingga 2025.

"Selepas membaca laporan berita tersebut, saya terus menghubungi Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin bagi menjelaskan mengenai perkara ini.

"Saya sendiri telah memberi jaminan kepada beliau bahawa misi saya bersama Harimau Malaya belum berakhir dan saya tidak akan meninggalkan pasukan ini begitu sahaja," katanya pada 30 Mac.



PILU... Aksi pelakon terkenal Zaidi Omar ketika penggambaran telefilem Ayah Panggil Balik yang turut menampilkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Kerajaan Negeri Borhan Aman Shah di Kampung Kundang, Kuala Langat pada 30 Januari. Sarat dengan mesej kekeluargaan, drama sempena Aidilfitri ini akan ditayangkan pada 19 April, jam 9 malam di TV2. Foto FIKRI YUSOF ► BERITA MUKA 9

Mudahkan pengguna berbelanja

Jualan murah raya 6 dan 7 April

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Jualan Ehsan Rahmah (JER) Mega Aidilfitri dijadual berlangsung di beberapa lokasi pada 6 dan 7 April bagi memudahkan orang ramai membeli keperluan asas sempena hari raya.

Bermula 9 pagi, jualan murah anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) pada 6 April diadakan di Dataran Masjid Nurul Hidayah Kampung Pandan Dalam, Ampang Jaya

(Pandan Indah) dan perkarangan Stesen Bas Pekan Sabak (Sabak).

Keesokan harinya, jualan sama diadakan di Gua Damai Extreme Park, Kampung Melayu Wira Damai, Gombak (Sungai Tua) dan Dataran Pantai Batu Laut, Kuala Langat (Tanjong Sepat).

"Jualan mega ini tradisi tahunan menjelang perayaan sejak JER diperkenal. Ini akan memudahkan orang ramai mendapat keperluan raya dengan tawaran harga murah berbanding pasaran.

"Kita juga akan menjual beberapa produk lain yang diperlukan pada musim

perayaan ini, namun akan dimuktamadkan dalam masa terdekat," kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi pada 28 Mac.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM13).

Tahun lalu, Kerajaan Negeri menganjurkan Jualan Mega Ehsan Aidilfitri selama enam hari di 23 lokasi seluruh negeri dengan tawaran harga 30 peratus lebih rendah berbanding pasaran.

Bantu 91 keluarga terjejas banjir

HULU LANGAT - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyalurkan bantuan RM22,750 bagi membantu 91 keluarga sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih yang terjejas bah baru-baru ini.

Ketua tanggungjawab sosial korporatnya berkata penerima mababitkan 56 keluarga dari Kampung Pasir, Kampung Sungai Kembang Hilir (20) dan Kampung Batu Tiga (15) dengan ma-

sing-masing menerima RM250.

"Sumbangan wang tunai ini adalah sagu hati dan bantuan susulan. Pada 5 November lalu MBI menyumbang bakul makanan dan pembersihan rumah kepada semua mangsa.

"MBI amat bersimpati dengan nasib yang menimpa mangsa banjir di DUN Semenyih dan bantuan satu tanda Kerajaan Negeri tidak melupakan rakyat yang berada dalam kesulitan," kata Ah-

mad Azri Zainal Nor pada 30 Mac.

Ditemui pada majlis serahan sumbangan yang disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Ahmad Azri memaklumkan pihaknya turut menyalur sumbangan khas RM10,000 kepada Masjid Kampung Batu 3, Semenyih.

Amirudin berharap sumbangan itu dapat mengurangkan beban mangsa yang masih dalam proses pemulihan pascabah.